

Jenis Akhbar : Kosmo Ahad

Tarikh : 31/07/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 7

Tajuk : Jenama COOP 25 peratus lebih murah bermula September ini

Jenama COOP 25 peratus lebih murah bermula September ini

Oleh HARRITH HISHAM

SERDANG – Sebanyak lima barangan keperluan asas termasuk minyak masak dan ayam akan mula ditawarkan menerusi hampir 3,000 rangkaian koperasi di seluruh negara di bawah jenama COOP menjelang September ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, inisiatif melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) itu bukan sahaja boleh didapati secara fizikal, malah turut dijual di dalam talian.

Menurutnya, usaha tersebut juga secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan peranan dan penglibatan orang tengah seiring dengan hasrat kerajaan.

"Sebagai permulaan, sebanyak lima jenis barangan keperluan asas di bawah jenama COOP akan dikeluarkan iaitu gula, minyak masak, tepung, beras dan ayam beku.

"Bagi harga jualan barangan, ia dijangka lebih murah antara 10 hingga 25 peratus berbanding harga pasaran setempat," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Hari Koperasi Negara 2022 di Pusat Pameran Anta-



NOH (tiga dari kanan) melancarkan Hari Koperasi Negara 2022 di Pusat Pameran Antarabangsa The Mines (MIECC) semalam. – AFIQ RAZALI

rabangsa The Mines (MIECC), di sini semalam.

Noh berkata, kesemua barangan itu akan diimport dan diperolehi dalam masa terdekat menerusi beberapa negara iaitu China, Indonesia, Thailand, Brazil dan India.

"SKM juga akan menguruskan dari segi pembungkusan produk dan pengedaran bersama badan koperasi lain. Kita yakin dengan usaha ini, harga barangan dapat

menjadi lebih murah," ujarnya.

Katanya, jenis barangan yang ditawarkan juga akan ditingkatkan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan dan sambutan.

Pada masa sama, Noh turut melancarkan *Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi Malaysia, Program Eklorasi CoopUmrah* sempena Ekspo Koperasi Malaysia (EKSKOM) dan Hari Koperasi Negara 2022 (HKN22).

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA